



**PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ**  
**TARIKH: 19 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)**

**MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)**

| BIL | AKHBAR      | TAJUK                                                                                                                                                |
|-----|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | SELANGOKINI | <ul style="list-style-type: none"><li>• SASAR 40 PERATUS PELEPASAN KARBON</li><li>• LIBAT PBT LEMBAH KLANG RAYA GUNA GARIS PANDUAN SERAGAM</li></ul> |

**LAIN-LAIN PBT**

| BIL | AKHBAR        | PBT       | TAJUK                                                                                                                                              |
|-----|---------------|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | SELANGORKINI  | MBDK MPKS | <ul style="list-style-type: none"><li>• 27 KOMPAUN KILANG DI TELUK GONG</li><li>• DUA KILANG KITAR SEMULA DIARAH TUTUP</li></ul>                   |
| 2.  | HARIAN METRO  | DBKL      | <ul style="list-style-type: none"><li>• GANTI DENGAN KAFE, GALERI</li><li>• PENJAJA 'RAMBO' DI IBU KOTA DBKL AMBIL 1,860 TINDAKAN SITAAN</li></ul> |
| 3.  | BERITA HARIAN | DBKL      | <ul style="list-style-type: none"><li>• SIASAT SURAT LAYANG ADUAN RASUAH PASTIKAN INTEGRITI DBKL</li></ul>                                         |

**UMUM**

| BIL | AKHBAR          | TAJUK                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | SELANGORKINI    | <ul style="list-style-type: none"><li>• IMBANGI LONJAKAN KOS PERANCANGAN</li><li>• TENGKU AMIR LAWAT PAVILION SELANGOR</li><li>• PENARAFAN BAHARU PBT</li><li>• SISTEM E-TANAH MUDAHKAN URUSAN</li><li>• KERJA ROBOH STADIUM SELESAI MEI 2025</li><li>• TERUSKAN DANA SELANGOR PENYAYANG</li><li>• KARNIVAL ALAM SEKITAR 13 OKTOBER 2.3 JUTA KUNJUNGI MAHA 2024</li></ul>                                                                              |
| 2.  | THE STAR        | <ul style="list-style-type: none"><li>• LET'S THINK OF KINDER WAYS TO TREAT STRAY DOGS</li><li>• CCTVs AND UPGRADING SYSTEM A BETTER IDEA, SAY WATCHDOGS</li><li>• REPAIRS FOR BANDAR SRI DAMANSARA SLOPE TO ENSURE SAFETY OF TWO FACTORIES</li><li>• AZAM: BAN PRIVATE PHONES AT WORK</li><li>• LAX ATTITUDE BEHIND BROKEN DRAINS</li><li>• KLIA 'COUNTER SETTING' MASTERMIND NABBED</li><li>• SELANGOR EYEING 82 MEDALS AT PARA SUKMA 2024</li></ul> |
| 3.  | SINAR HARIAN    | <ul style="list-style-type: none"><li>• AGONG DIPERSEMBAH LAPORAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, NEGERI</li><li>• SPRM PERLU SEMAK LAPORAN AUDIT AGENSI KERAJAAN, SWASTA BENDUNG RASUAH</li><li>• BEZA ANTARA TUGAS DAN AMANAH</li><li>• DEFISIT FISKAL MALAYSIA DIJANGKA RENDAH</li></ul>                                                                                                                                                     |
| 4.  | HARIAN METRO    | <ul style="list-style-type: none"><li>• AGONG DIPERSEMBAH LAPORAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 5.  | BERITA HARIAN   | <ul style="list-style-type: none"><li>• SPRM DEDAH 11 MASALAH IMIGRESEN</li><li>• TUKAR KOMPLEKS KOMERSIAL TERBIAR JADI RUMAH PERANTAU MUDA</li><li>• WANITA IDOLA BERI INSPIRASI UNTUK MAJUKAN DIRI</li><li>• KES FEMICIDE MAKIN MEMBIMBANGKAN</li><li>• IMIGRESEN PERLU BUANG SISITEM LAPUK, GUNA AI TANGANI PENYELUDUPAN WARGA ASING</li></ul>                                                                                                      |
| 6.  | UTUSAN MALAYSIA | <ul style="list-style-type: none"><li>• JUMPA WANG TUNAI RM800,000 DALAM BILIK PEGAWAI IMIGRESEN</li><li>• MAHA 2024 LEPASI SASARAN TIGA JUTA PENGUNJUNG</li><li>• MALAYSIA TEKAD MAHU JADI NEGARA BEBAS PLASTIK</li></ul>                                                                                                                                                                                                                             |

## Sasar 40 peratus pelepasan karbon

**SUBANG JAYA** - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyasar pengurangan pelepasan karbon sehingga 40 peratus menjelang 2035, kata Timbalan Datuk Bandarnya Mohd Zulkurnain Che Ali.

Beliau memberitahu pelbagai inisiatif diambil termasuk penanaman pokok, galakan penggunaan pengangkutan awam, kitar semula dan program kesedaran pada peringkat sekolah.

"Apabila bercakap rendah karbon antara perkara utama ialah masyarakatnya menggunakan teknologi hijau antaranya pengurangan kenderaan bermotor dan pengurusan sampah sistematik.

"Untuk mencapai itu, MBSJ laksana pelbagai usaha dalam mendidik masyarakat dan kita sasar pengurangan karbon sehingga 40 peratus menjelang 2035," katanya pada 11 September.



Libat PBT Lembah Klang Raya

# Guna garis panduan seragam

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Empat pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam kawasan Lembah Klang Raya bakal menggunakan satu garis panduan bersepadu menjelang 2026, kata EXCO kerajaan tempatan.

Dato' Ng Suee Lim berkata panduan yang sedang dirangka itu bertujuan memastikan pelaksanaan undang-undang di Klang, Petaling Jaya, Shah Alam dan Subang Jaya diperkemas dan diseragam.

"Empat bandar raya ini akan digabung menjadi Lembah Klang Raya sekaligus diramal menjadi bandar metropolis di Selangor dan Malaysia.

"Kita perlu seragamkan kepakaran,

sumber dan kewangan supaya mereka tidak bersaing sesama sendiri selain memudahkan penduduk untuk mengurus," katanya dalam wawancara baru-baru ini.

Metropolis merujuk kepada bandar raya dengan lebih sejuta penduduk, yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perniagaan, perdagangan, perindustrian serta berteknologi tinggi.

Suee Lim menambah Selangor turut menubuhkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyeragaman bawah Jawatankuasa Induk Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya bagi merealisasi garis panduan itu.

Beliau memberitahu garis panduan berkenaan melibatkan pelan penguatkuasaan bangunan, buku panduan

teknikal kejuruteraan, undang-undang kecil dan pembangunan mampan di setiap PBT.

"Kita akan memastikan semua pihak berkepentingan dan pembayar cukai terlibat untuk memberi maklum balas mereka sebelum garis panduan ini dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.

Lembah Klang Raya diumumkan menerusi Belanjawan 2024 pada November tahun lalu dengan peruntukan RM2 juta bagi menggabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Lembah Klang Raya berupaya menjadi gagasan ekonomi utama Asia Tenggara dan mampu terse-narai antara lima lembah utama di Asia.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2024

## 27 kompaun kilang di Teluk Gong

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menafikan dakwaan tiada tindakan diambil terhadap kilang-kilang di sekitar Teluk Gong, Klang, kata pengarah Jabatan Komunikasi Korporatnya.

Menurut Norfiza Mahfiz, sebanyak 27 kompaun dikeluarkan menerusi 18 operasi tahun ini di kawasan tersebut oleh Jabatan Pelesenan bersama Jabatan Penguatkuasa MBDK.

"MBDK sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan kawasan Teluk Gong bebas dari kilang tidak berlesen.

"Terdapat 274 kilang berlesen di Telok Gong. Sebanyak 47 kilang berkaitan plastik dengan tiga premis memiliki Permit Import (AP)," katanya pada 18 September.

Beliau mengulas laporan akhbar pada 15 September yang mendakwa Teluk Gong berdepan pencemaran akibat puluhan kilang memproses sisa industri yang dipercayai beroperasi secara haram.



## Imbangi lonjakan kos perancangan

**SHAH ALAM** - Cukai taksiran sesetengah pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak dinaikkan hampir 40 tahun meski Akta Kerajaan Tempatan membenarkan kadar tersebut disemak setiap lima tahun.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim menjelaskan Majlis Perbandaran Kajang tidak menaikkan kadar itu selama 39 tahun manakala Majlis Perbandaran Kuala Langat (37 tahun).

"Ramai tidak tahu bahawa Akta Kerajaan Tempatan membenarkan cu-

kai taksiran disemak setiap lima tahun tetapi PBT tidak buat. Ini perkembangan yang tidak sihat," katanya baru-baru ini.

Beliau menegaskan peningkatan kos pengurusan memerlukan penilaian kadar baharu dibuat demi memastikan keberkesanan perancangan bandar sekali gus memberi keselesaan kepada penduduk.

"Memang ada yang cakap jangan susahkan rakyat tetapi dalam masa sama, kita tidak boleh jadi populis. Kita

kena imbangi dengan perkembangan semasa.

"Saya yakin rakyat faham kenaikan ini demi perkhidmatan lebih baik," katanya sambil menambah penyelarasan kadar itu dijangka dibuat tahun depan selepas semua proses penilaian selesai.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amlrudin Sharl menjelaskan proses penilaian kadar baharu bertujuan memastikan keberkesanan perancangan bandar dan merangka strategi masa depan.

## Dua kilang kitar semula diarah tutup

**SHAH ALAM** - Dua kilang kitar semula e-sisa sekitar Ijok, Kuala Selangor diarah tutup serta-merta selain pemilik dikenakan kompaun berikutan tidak memiliki lesen mengilang.

Menurut Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), kilang di taman perindustrian Bukit Badong dan Jalan Kandar, Kampung Harmoni turut menyebabkan kacau ganggu bau dan alam sekitar.

Dalam operasi bersama agensi berkaitan pada 11 September, dua premis itu disyaki menyimpan dan memproses buangan terjadual termasuk kerak logam, bateri kering dan papan litar plastik.

Kes berkenaan dislasat bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kuala Selangor) 2007.



## Tengku Amir lawat Pavilion Selangor

**SUBANG JAYA** - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan mengunjungi Pavilion Selangor pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps) di sini pada 17 September.

Diiringi EXCO Kemajuan Desa Datuk Rizam Ismail, Tengku Amir Shah memulakan lawatan ke gerai pempamer Agrotrade yang menjual produk keluaran usahawan tempatan.

Baginda kemudian mengunjungi pameran ruminan haiwan ternakan Jabatan Veterinar Malaysia dan laman Institut Penyelidikan Perikanan.

Tengku Amir turut mengunjungi laman Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi melihat galeri kolam ikan air tawar dan akuakultur sebelum berangkat pulang.

## Penarafan baharu PBT

**SHAH ALAM** - Sistem penarafan baharu diperkenal bagi menilai prestasi semua 156 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara mulai tahun depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Ng Kor Ming berkata sistem tersebut bertujuan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan inisiatif kepada masyarakat, lapor Bernama.

"Bawah sistem lampu isyarat, PBT akan diklasifikasi kepada tiga kategori iaitu lampu hijau, kuning dan

merah berdasarkan prestasi mereka," katanya dalam kenyataan pada 16 September.

PBT berprestasi tinggi dilabel lampu hijau dan menerima pembiayaan tambahan, lampu kuning diberi amaran dan peruntukan tertakluk sekiranya manakala lampu merah berdepan potongan pembiayaan.

Kor Ming memberitahu sistem berkenaan menilai prestasi PBT dengan menawarkan penanda aras yang jelas untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan.



## Sistem e-tanah mudahkan urusan

**KLANG** - Isu pertindihan hak milik tanah keluarga pelakon Ammar Baharin hampir selesai hasil penggunaan sistem pentadbiran tanah secara elektronik (e-Tanah).

Menurut Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Dato' Dr Yusri Zakariah, pelaksanaan sistem e-Tanah sejak November tahun lalu memudahkan urusan pertikaian isu pertindihan pemilikan tanah.

"Untuk kes ini, kita panggil semua pihak terlibat membabitkan tujuh pemilik tanah. Setakat ini, proses milikan tanah hampir selesai iaitu serahan tanah mengikut lokasi ditetapkan.

"Pertindihan berlaku kerana isu teknikal tetapi telah dibetulkan menggunakan sistem e-Tanah. Dengan sistem ini, isu pertindihan diselesaikan dengan sistematik," katanya pada 13 September.

April lalu, Ammar membangkit perkara itu di media sosial sebelum keluhannya mendapat perhatian Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang menjelaskan tanah itu diratifikasi semula.

## Kerja roboh stadium selesai Mei 2025

**KLANG** - Kerja meroboh Stadium Shah Alam dijangka selesai sepenuhnya pada Mei tahun depan, kata EXCO Sukan Najwan Halimi.

Beliau memberitahu pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) juga berjalan serentak, bergantung kepada tahap perobohan.

"Proses pembinaan pula kita cuba mula sekarang ini bergantung pada tahap proses perobohan stadium," katanya pada 15 September.

Najwan juga menjelaskan tiada aduan penduduk setempat berkaitan berhubung kacau ganggu kerja meroboh stadium berkenaan meski kualiti udara sedikit terjejas selain masalah debu.

"Di media sosial, komen sentimental yang berkongsi kenangan mereka di stadium itu tetapi kita perlu teruskan demi penambahbaikan stadium dan membangunkan sukan di Selangor," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) memaklumkan pembangunan KSSA membabitkan tiga fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029.

Fasa pertama membabitkan perobohan dan pembinaan semula stadium diikuti pembangunan teater tertutup, sayap sukan dan kawasan rekreasi (fasa dua) disusuli pembinaan terminal bersepadu dan hotel dalam fasa tiga.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2024



## Teruskan dana Selangor Penyayang

**KUALA LANGAT** - Peruntukan Projek Selangor Penyayang (PSP) wajar diteruskan bagi memudahkan wakil rakyat menyelesaikan masalah penduduk setempat terutama membaik pulih kemudahan awam.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan pihaknya menggunakan dana RM250,000 bagi membaiki jalan rosak, balai raya, gelanggang futsal dan menyediakan tapak parkir kenderaan.

"Saya harap peruntukan PSP diteruskan lagi (dalam Belanjawan 2025), cuma mungkin perlu dikaji juga dari segi bilangan penduduk sesebuah kawasan.

"Kawasan besar yang ada penduduk ramai mungkin boleh dipertimbang peruntukan lebih demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat," kata wakil rakyat Tanjong Sepat itu pada 15 September.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2024

## Karnival alam sekitar 13 Oktober

**SHAH ALAM** - EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin mengajak orang ramai termasuk golongan peniaga memeriahkan Karnival Alam Sekitar Selangor 2024 pada 13 Oktober.

Beliau memberitahu program berkenaan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya menjaga alam sekitar selain mempromosi dan menyokong kempen bebas plastik.

"Kita mengalu-alukan orang ramai bawa keluarga ke karnival ini bagi memeriahkan lagi suasana dengan mengikuti pelbagai program menarik yang disediakan,"katanya pada 15 September.

Karnival tersebut yang dijadual berlangsung di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor bakal disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Jamaliah juga menambah Tengku Amir Shah turut berkenan merasmikan anak tapir yang baharu lahir pada Julai selain menanam beberapa pokok dalam program berkenaan.

Pengusaha produk mesra alam, barangan tempatan dan seni kraf tangan boleh membuka reruai dengan membuat pendaftaran menerusi pautan [www.tiny.cc/KAS2024](http://www.tiny.cc/KAS2024) sebelum 30 September.



## 2.3 juta kunjungi MAHA 2024

**SHAH ALAM** - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang dikunjungi 2.3 juta orang setakat 17 September.

Ketua pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yakin sasaran tiga juta pengunjung di dari 11 hingga 22 September mampu di-

capai dalam tempoh terdekat, lapor Bernama.

Abdul Rashid Bahri berkata nilai jualan mencapai RM17.30 juta manakala memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian (RM3.1 bilion) dicapai setakat ini berbanding sasaran RM6 bilion.

Katanya, 62 pembeli dari luar negara

dibawa bertemu bakal pengeksport di Malaysia dan RM662 juta potensi jualan dijana hasil 750 padanan perniagaan pada tiga hari pertama penganjuran.

"Kita dapati banyak produk Malaysia sebenarnya mampu untuk menembusi pasaran luar negara tetapi kadang-kadang mereka tidak berkesempatan," katanya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2024

# Let's think of kinder ways to treat stray dogs

WHEN complaints about stray dogs arise, the authorities tend to act quickly, leading sometimes to drastic actions.

I would suggest that they pause and ask if all of the complaints are valid before taking any action. Not every concern about stray dogs stems from a real threat, and some issues may be based on misunderstanding or fear.

Learning to coexist with stray dogs doesn't have to be difficult. In fact, with the right approach, it can be mutually beneficial for both humans and the animals concerned.

These animals don't usually pose a threat when left alone. If they bark, it's often a temporary reaction to their surroundings. By staying calm and not reacting aggressively, we can usually avoid any conflict with them.

Most people are inclined to believe that much like people, animals, including dogs, have emotions too. When we capture and confine them, it causes distress to them. Allowing them to exist freely is a kinder approach.

In fact, a 2021 study published in the *World's Veterinary Journal* concluded that stray animals are



well adapted to survive independently, using their natural instincts and behaviours to navigate and thrive in various environments.

Nature often manages populations more effectively than we assume, and the animals are well adapted to surviving without human intervention.

Stray dogs can also serve as natural protectors in their environments. Their heightened senses allow them to detect unusual situations, and their barking can act as an early warning system.

So, instead of seeing them as a nuisance, we could recognise their ability to keep watch and even help us stay alert to our surroundings.

Dogs respond to how we approach them. People who project calm and peace will likely find these animals more relaxed, harmless and less reactive. On the other hand, if we approach them with fear or aggression, their reactions will reflect our stance.

The issue of population control for stray dogs is a sensitive one. While neutering programmes are often seen as a solution, it's important to consider the ethical implications. Rather than relying solely on such methods, perhaps we can explore alternatives that respect the animals' natural instincts while still managing their populations effectively.

University campuses, with their large open spaces, could become

safe havens for stray dogs. If the dog population grows too large, relocation to rural areas or agricultural settings could be a humane option. These dogs might even prove useful as companions or protectors in those environments.

Ultimately, the goal should be for us to build a society where humans and animals can coexist peacefully. This requires collaboration between local authorities, universities, and the public.

Universities could also play a role in raising awareness, conducting research, and leading the way in humane animal management practices. Together, we can create an environment where stray dogs and humans live in harmony, not conflict.

The authorities are already working hard to manage urban animal populations, but by incorporating community feedback and education programmes, their efforts can be even more effective in enhancing the welfare of both the animals and the community.



RAYMOND OOI  
Fellow  
Academy of Sciences Malaysia

THE STAR

Tarikh: 19 SEP 2024



## CCTVs and upgrading system a better idea, say watchdogs

By RAHIMY RAHIM  
and MARTIN CARVALHO  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Prohibiting frontline officers from using their mobile phones will not solve the issue of foreigners entering the country through "special counters", say anti-corruption watchdogs.

"I believe a more effective way would be having CCTVs at the counters and remotely monitoring the actions and conversations between visitors and officers at the counters," Transparency International Malaysia president Dr Muhammad Mohan said when contacted yesterday.

He said the Immigration Department should upgrade its system so that those coming into the country must apply and pre-submit their entry request online.

"This must also include a reliable channel for entry such as an autogate system to avoid any human contact. By removing human contact, there will be better control," he added.

Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4) executive officer Pushpan Murugiah agreed that banning the use of mobile phones may be futile..

"It is better that CCTVs are installed to monitor the activities at the frontline counters, along with holding frequent audits of officers," he said when contacted.

But Malaysia Corruption Watch (MCW) president Jais Abdul Karim agreed with the proposal to ban the use of mobile phones, saying that it would boost the efficiency and focus of frontline officers.

"It also aligns with MCW's advocacy to prevent corruption by removing opportunities for officers to engage in unethical communication with external parties," he said.

THE STAR

19 SEP 2024

Tarikh:.....



# Repairs for Bandar Sri Damansara slope to ensure safety of two factories

By LEW GUAN XI  
lewguanxi@thestar.com.my

THE contractor of a culvert project in Tago Industrial Park in Bandar Sri Damansara, Selangor, has been tasked to repair a slope damaged by soil erosion.

This is to ensure the safety of factories in the area.

Bukit Lanjan assemblyman Pua Pei Ling said the culvert project, which was part of the Klang Valley Double Track (KVDT) Project Phase 1, was expected to be completed by the end of this month.

"Gombak Land and District Office and Railway Assets Corporation (RAC) will monitor the project and slope works."

"We are hoping for the culvert project to be finished on time so the soil erosion will be addressed," she said during a press conference after the Petaling Jaya City Council (MBPP) "Mesra Rakyat" community programme at Damansara Damai Community Hall.

In a *StarMetro* report on May 24, titled "Sri Damansara culvert project raises fear of landslides", Pua had raised concerns about the safety of two factories as their foundations were damaged by a landslide in January last year.

The factories are located on a hilly slope near the culvert project.

The KVDT Project Phase 1 is aimed at upgrading the 30-year-old railway tracks to accommodate faster trains.

Two culverts, costing around RM7mil, are being built to safeguard the tracks from flooding.

One of these culverts is in Tago Industrial Park.

On a separate matter, Pua



This Bandar Sri Damansara culvert project's contractor has been tasked to repair a slope nearby. — Filepic



*StarMetro*'s report on May 24.

encouraged locals to apply for medical aid under Selangor government's "Iltizam Selangor Sihat" scheme.

"Bukit Lanjan has a quota of 1,000 applicants for the scheme. More than half of the amount has been approved."

"Applications can be made through my office or via the Selangkah app."

"I hope that more people will take apply," she said, adding that there were two categories — families and singles.

"Iltizam Selangor Sihat" is

aimed at helping low-income folk gain access to basic medical treatment, vaccination and insurance coverage.

The family category is open to households with a monthly income of RM3,000 and below as well as single folk earning less than RM2,000.

People with disabilities and senior citizens aged 65 and above are also eligible.

All applicants must be registered voters and have lived in Selangor for more than 10 years.

THE STAR

Tarikh: 19 SEP 2024



# Azam: Ban private phones at work

MACC calls for limiting access to KLIA Immigration counter staff

19/9  
sh

By FARIK ZOLKEPLI  
farik@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Immigration officers, including supervisors stationed at the counters of Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Terminals 1 and 2, should not have access to their mobile phones while on duty, says Tan Sri Azam Baki.

The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner said it had proposed this to the Immigration Department

following the crackdown on counter setting activities, which saw 49 Immigration officers nabbed.

"Blocking access to their mobile phones can prevent them from being contacted by outside parties. They also need other communication methods while on duty," he told reporters at the MACC headquarters here yesterday.

Currently, the work schedule for officers manning the counters was set when they were already in the counter zones, he noted.

"Maybe other parties can

decide on the work schedule beforehand," he added.

Azam said the commission had identified 11 key problems and weaknesses involving the Immigration Department, which has led to syndicates being able to bring in foreigners via the counter setting method.

"One of the main problems is a lack of internal control when they (the officers) are on duty, enabling syndicate agents to approach them easily.

"Another problem is non-sys-

tematic work rotation for Immigration officers stationed at KLIA Terminals 1 and 2.

"That too gives the agents easy access to the officers manning the counters as the agents would know who is stationed at which counter beforehand," he said.

Azam said another weakness identified was the lack of supervision, which caused loopholes in operating procedures.

"The checking system on entry for foreigners is also easily manipulated and hard to review.

"There were other weaknesses discovered, including officers stationed for too long at the same location and Immigration officers who gave and received bribes from each other," he said.

The MACC, Azam added, also discovered that there was neither monitoring nor an extra layer of filtering documents of foreigners and their accommodation while in Malaysia.

"The large amount offered as bribes is a big problem as well," he said.

THE STAR

Tarikh: 19 SEP 2024



# 'Lax attitude behind broken drains'

City Hall: Motorists' haphazard parking causing stress, damage to infrastructure

By BAVANI M  
bavanim@thestar.com.my

BROKEN and missing drain covers in Jalan Alor's back lanes in Bukit Bintang are caused by irresponsible motorists parking their vehicles carelessly, says Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

In a press statement to *StarMetro*, the local authority said the damaged drains and manhole covers were caused by haphazard parking, contributing to significant wear and tear on the city's infrastructure.

DBKL said it had taken immediate action to temporarily cover open drains with wooden planks upon learning of the situation from the area's stakeholders.

"As an immediate measure, DBKL covered open drains with wooden planks for public safety. All damaged drains have now been replaced with permanent concrete structures.

"City Hall plans to repair and upgrade damaged drain struc-



Drain covers before and after they were repaired in the back lanes of Jalan Alor in Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

tures and pavements next month," said a DBKL spokesperson.

City Hall was responding to a report in *StarMetro* on Sept 17,

"Jalan Alor drains in a terrible state", which highlighted the poor condition of Bukit Bintang's back lane infrastructure.

Regularly used by both vehi-

cles and pedestrians, the lanes had missing drain covers and exposed manholes with makeshift repairs posing a threat to public safety.

The presence of popular eateries and high traffic in this key commercial area heightened risks while raising concerns, especially after the sinkhole incident in Masjid India, Kuala Lumpur.

During a visit to a section of Jalan Alor's back lane, prior to City Hall carrying out repairs, several uncovered and damaged drains were found.

Five drains were either without covers or had collapsed, with wooden planks used as makeshift solutions.

Public complaints were spurred by the Masjid India tragedy where an Indian national had fallen into a sinkhole. Her body has not been recovered.

Bukit Bintang Central Environment Committee (BBCEC) chairman Simon Leong expressed gratitude for DBKL's swift action, adding that he hoped the public would take better care of city assets for everyone's benefit.

THE STAR

Tarikh: 19 SEP 2024



# KLIA 'counter setting' mastermind nabbed

19/9  
2024

**PUTRAJAYA:** Graft busters have detained 60 people, including a senior Immigration officer believed to be the mastermind of the "counter setting" syndicate.

Counter setting refers to foreigners who enter the country without proper documents at designated and predetermined lanes at entry points.

The officer, in his 40s, who was stationed at Kuala Lumpur International Airport (KLIA), had been identified as the main person who arranged bribes for other Immigration officers involved in the syndicate.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Baki said the suspect was detained on Sept 5 after he and several others had attempted to flee earlier.

"We believe he had influenced more than 50 Immigration officers.

"He had served in the department for about 20 years," he told a press conference at the MACC headquarters here yesterday.

He said the mastermind and three others were expected to be charged early next month.

So far, a total of 60 individuals had been detained in *Ops Pump*, *Ops Pump 2.0* and *Ops Setting*, which began on Aug 20, he said.

"We gathered intelligence for six months from various source, including whistleblowers stationed at KLIA. Those detained



**Illicit gains:** Azam showing the seized items at a press conference at the MACC headquarters in Putrajaya. — FAIHAN GHANI/The Star

were 49 Immigration officers, a police officer, two agents and eight mule account holders.

"We have opened 37 investigation papers and recorded the statements of 95 people," he said.

He said bribes given to Immigration officers in the investigation had codenames based on the nationality of the foreigners being brought in, adding that the amount of bribes would differ based on the nationalities of the foreigners.

"The officers were bribed with between RM200 and RM2,500 for each foreigner," he said.

Azam added that for those from Bangladesh, the codename was "schoolboy" with a bribe of

RM2,500. For Myanmar nationals, it was "junta" (RM1,500); Pakistan (carpet, RM1,300); India (kicap, roti canai, RM800); China (limau, RM350); Vietnam (laici, Nguyen, RM350); and Indonesia (salak, RM300).

"For those from Yemen and Uzbekistan, the bribes were RM1,000 and RM500 respectively without codenames," Azam said, adding that the syndicate promoted their services on social media.

"The agents will contact the Immigration officers on WhatsApp for a suitable date to bring the group of foreigners to Malaysia.

"The Immigration officers will then give a green light for a par-

ticular date before the agents supply passport details and photos of the foreigners.

"The officers will give the number for the special counter to be used by the foreigners for easy access into the country," he added.

After passing through the counter, Azam said, the agents would send the foreigners to their intended destinations.

An array of items were seized from the syndicate, including RM518,250 in cash found at the home of a female Immigration officer in Pahang, and RM248,443 cash from an Immigration officer in Melaka, he said.

"The total amount of cash seized in *Ops Pump*, *Ops Pump 2.0* and *Ops Setting* are RM1.49mil, US\$9,900 (RM42,200) and 5,470 baht (RM1,270).

"We also seized nine cars, 13 motorcycles, 27 pieces of gold, more than 75 pieces of jewellery and over 12 luxury watches.

"Some 215 bank accounts with a total of RM3.6mil have also been frozen," he said.

On another matter, Azam said graft busters were waiting for the right time to detain a Bangladeshi, who is one of the main suspects in the syndicate.

"He is still in the country and we are monitoring him. We cannot detain him yet as we have not been able to contact our counterparts in Bangladesh given the political turmoil there," he said.

THE STAR

Tarikh: 19 SEP 2024



# Selangor eyeing 82 medals at Para Sukma 2024

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

SELANGOR is aiming for 82 medals and a top three finish in the 2024 Para Malaysia Games (Para Sukma) in Kuching, Sarawak, which will take place from Sept 22 to 28.

State youth, sports and entrepreneurship executive councillor Mohd Najwan Halimi said he was confident the contingent would meet the target as Selangor's Para Sukma athletes had been training well.

He represented Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari at a ceremony to hand over the state flag to the Selangor contingent in Shah Alam.

He also witnessed the handing over of a RM130,000 mock cheque from Selangor Menteri Besar Incorporated Foundation, a strategic partner of the Para Sukma Selangor contingent, while Selangor State Sports Council



Mohd Najwan (centre, in white) with Selangor Para Sukma contingent after handing over the state flag in Shah Alam — Photo: KK SHAM/The Star

(MSNS) sponsored the contingent's attire.

Amirudin, in his speech that was read out by Mohd Najwan, said there would be 163 representatives from Selangor, comprising para-athletes, coaches and managers at Para Sukma 2024.

"The 82 medal haul target comprises 29 gold, 24 silver and 29 bronze medals.

"Selangor's contingent is taking part in 10 events – badminton, swimming, archery, athletics, ping-pong, tenpin bowling, boccia, chess, lawn bowling and power-

lifting," he said.

Mohd Najwan is heading the contingent with Deputy State Secretary (management) Datuk Mohd Yazid Sairi as his deputy.

Also present were Batu Tiga assemblyman Danial AI Rashid Haron Aminar Rashid who is also

Selangor Disability Action Council chairman, Selangor Youth and Sports Department director Azura Sarbin who is also Selangor Para Sukma contingent chef de mission and Selangor Disabled Persons Sports and Recreation Association president Amrol Ambia.

THE STAR

Tarikh: 1.9.SEP.2024



84 19/9

## Agong dipersembahkan laporan penyata kewangan kerajaan Persekutuan, negeri

**KUALA LUMPUR** - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dipersembahkan laporan penyata kewangan kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri bagi tahun 2023 sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi akan datang.


Menerusi perkongsian di laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, laporan berkenaan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda oleh Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Sesi menghadap bersama Seri Paduka Baginda berlangsung di Istana Negara, di sini pada Rabu.

Belanjawan 2025 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober ini bertepatan 'Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera'.

Sementara itu, Sultan Ibrahim berkenan mengadakan Lawatan Negara ke China bermula hari ini sehingga 22 September atas jemputan Presiden Xi Jinping.

Wisma Putra dalam satu kenyataan memaklumkan, Lawatan Negara pertama oleh Seri Paduka Baginda ke China sejak menaiki takhta pada 31 Januari 2024 mencerminkan keutuhan hubungan dua hala antara kedua-dua negara yang kian



Sultan Ibrahim berkenan menerima laporan dipersembahkan oleh Wan Suraya.

berkembang pesat sejak dinaik taraf kepada Kerjasama Strategik Komprehensif pada tahun 2013.

Keberangkatan Sultan Ibrahim akan diiringi Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Datuk Seri Amran Mohamed Zain serta pegawai-pegawai kanan dari Istana

Negara dan kementerian serta agensi berkaitan.

"Yang di-Pertuan Agong akan menerima sambutan negara di Great Hall of the People di Beijing, diikuti dengan pertemuan bersama Xi Jinping serta menghadiri Majlis Santapan Negara yang akan diadakan oleh Presiden China sebagai tuan rumah.

"Sultan Ibrahim turut berkenan me-

nerima menghadap Perdana Menteri China, Li Qiang," menurut kenyataan itu pada Rabu.

Selain itu, Sultan Ibrahim juga dijadualkan menghadiri upacara penamaan Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University sebagai satu penghormatan kepada Yang di-Pertuan Agong diikuti sesi ramah mesra bersama rakyat Malaysia di negara berkenaan.

Menurut Wisma Putra, Lawatan Negara tersebut memberi peluang yang sangat baik bagi Malaysia dan China untuk menegaskan komitmen bersama dalam memastikan hubungan antara kedua-dua negara kekal dengan pendekatan memandang ke hadapan, dinamik dan makmur demi manfaat rakyat masing-masing berdasarkan saling mempercayai serta hormat-menghormati.

"Lawatan ini juga bersempena dengan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Selain daripada pertukaran lawatan peringkat tinggi, pelbagai program rasmi turut dijalankan termasuk pengeluaran setem dan duit syiling peringatan serta penerbitan buku mewah pada 19 Jun 2024 di Kuala Lumpur semasa lawatan Li Qiang ke Malaysia," kata kenyataan itu. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**

**19 SEP 2024**

Tarikh: .....



## SPRM perlu semak laporan audit agensi kerajaan, swasta bendung rasuah

9/19

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengadakan kunjungan secara berkala ke agensi kerajaan atau sektor swasta dan menyemak pelaporan audit kerana ia satu langkah baik bagi membendung jenayah rasuah daripada berleluasa dalam organisasi.

Presiden Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (Gema), Mohammad Amar Masuri berkata, pengukuhan terhadap sistem pelaporan dalaman atau *whistleblowing* juga perlu dipertimbangkan sebagai cadangan kerana ia saluran rahsia buat pekerja yang mahu melapor-

kan sebarang aktiviti rasuah.

Menurutnya, cadangan sedemikian mampu meningkatkan tahap keberanian pegawai untuk melaporkan kesalahan tanpa perlu bimbang tentang risiko keselamatan atau dikenakan tindakan oleh pegawai atasan.

"Cadangan lain ialah perlu ada audit luar berkala. Selain audit dalaman, organisasi juga boleh melibatkan badan audit bebas untuk membuat semakan bagi mengurangkan

risiko manipulasi.

"Seterusnya, kempen banteras rasuah perlu dibuat berterusan kepada orang awam dan pekerja mengenai etika atau kesan rasuah agar ia mampu mewujudkan budaya kerja berintegriti.

"Kempen kesedaran di peringkat nasional dan organisasi perlu diperhebat untuk menunjukkan betapa seriusnya jenayah yang membarah dalam masyarakat ketika ini,"

katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu. Mohammad Amar turut berpandan-

gan, penglibatan masyarakat sivil dan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) dalam memantau isu rasuah seperti gabungan Rasuah Busters berupaya membina tekanan awam terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan rasuah.

Tambahnya, gerakan terbabit mampu dilaksanakan secara besar-besaran agar usaha membendung gejala rasuah lebih terancang dan berimpak tinggi.

"Dengan adanya gabungan ini, peluang untuk mencegah rasuah dapat ditingkatkan demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih sejahtera dan bebas korupsi," ujar beliau.



MOHAMMAD AMAR

**RASUAH  
BUSTERS**

SINAR HARIAN

Tarikh: .....1..9...SEP...2024...



# Beza antara tugas dan amanah

8th 19/9



TUDING  
JARI

DR HUZILI HUSSIN

**S**ewaktu saya menerima watikah pelantikan daripada Yang Berhormat Menteri, di Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menjawab jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Malaysia Kelantan, sejujurnya hati mula berbau antara perasaan terkejut, teruja dan sedikit takut untuk menerima pelantikan tersebut. Maklumlah, tanggungjawabnya bukanlah kecil.

Walaupun kita kuat sekalipun, dalam keadaan tertentu kita perlukan sokongan daripada pelbagai pihak untuk mewujudkan pelantikan tersebut. Justeru, saya menghubungi beberapa mantan ketua saya sebelum ini untuk mendengar nasihat dan dorongan berkaitan pelantikan tersebut.

Apabila kata-kata semangat dilontarkan, bicaranya terus meresap ke dalam jiwa. Antara kata-kata tersebut, "Saya yakin awak boleh, kerana itulah saya pilih awak menjadi Dekan sebelum ini",

"Saya percaya awak mampu lakukan kerana terdapat kebijaksanaan dalam kepimpinan awak sebelum ini". Selain itu, banyak lagi penghargaan, nasihat dan doa daripada pelbagai pihak, mengukuhkan lagi semangat untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Sewaktu saya memberikan ucapan semasa majlis serah tugas, saya berkata, "Saya datang ke sini bukan untuk menjalankan tugas, namun untuk melaksanakan amanah". Tambah saya lagi, "Jika kita semata-mata bertugas, kita hanya bekerja untuk menyiapkan tugas yang diberi dan tidak lebih dari itu. Cukup masa waktu bekerja, terus balik ke rumah dan meneruskan rutin berkenaan bertahun-tahun lamanya.

Namun, sekiranya kita 'memasukkan jiwa' dalam melaksanakan pekerjaan, secara langsung sifat amanah memunculkan watak dan personaliti yang mendukung kebenaran dalam melaksanakan tanggungjawab serta malu untuk memesongkan diri dari jalan yang benar.

Selain itu, dalam melaksanakan amanah, kita perlu kuat. Prinsip ini adalah selari dengan petikan 'al-Qawiyul Amin' di dalam Al-Quran yang bermaksud; kuat dan amanah. Berkaitan hal itu, ALLAH SWT telah berfirman, "Sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah" (Surah Al-Qasas,

28:26). Kuat bermaksud, sihat tubuh badan, keupayaan berfikir dengan waras, boleh menyelesaikan masalah dengan bijaksana, kreatif dan adil.

Manakala, amanah pula dikaitkan dengan sifat yang boleh dipercayai, bertanggungjawab, tidak bekerja demi kepentingan peribadi serta jujur dan tidak memungkir janji.

Sejajar dengan hal tersebut, Rasulullah SAW pernah menolak permintaan Abu Dzar al-Ghifari yang menawarkan diri untuk menyandang satu jawatan menerusi sabdanya, "Wahai Abu Dzar, kamu seorang yang lemah, sedangkan tugas ini satu amanah, ia menyusahkan dan menjadi satu penyesalan pada hari kiamat nanti, kecuali bagi orang yang mengambilnya secara hak dan menunaikan tanggungjawab yang terpikul dibahunya". (Hadis Riwayat Muslim)

Berpandukan prinsip kepimpinan dalam organisasi, inisiatif melaksanakan amanah dalam pekerjaan perlu dilakukan secara berterusan. Tanpa inisiatif yang berkesan, perkataan amanah hanya menjadi slogan di pintu masuk organisasi serta hanya tertera di dalam bentuk pernyataan semata-mata. Hakikatnya, kita tidak boleh berseorangan dalam melaksanakan inisiatif berkenaan.

Pada hemat saya, perkara utama

yang perlu dilakukan untuk memunculkan sifat amanah dalam diri, kita perlu melakukan refleksi diri secara jujur dan ikhlas. Percayalah, selagi kita tidak jujur dengan diri sendiri, sifat amanah tidak akan memunculkan diri. Pendek kata, jika dengan diri sendiri pun, tidak boleh jujur, apatah lagi kita hendak jujur dan ikhlas kepada orang lain.

Ingatlah, kita hidup bukannya untuk berbangga dengan segala kurniaan ALLAH SWT. Sebaliknya, kita perlu berusaha untuk melakukan pelbagai perkara yang memberi manfaat kepada ramai orang.

Jika kita pernah susah, janganlah apabila kita senang, kita menyusahkan orang lain. Sampai bila kita hanya hidup untuk melunaskan dendam terhadap ketidakadilan yang kita lalui sebelum ini? Cukuplah, berdamailah dengan takdir. Sesungguhnya aturan ALLAH SWT cukup baik untuk kita.

Pun begitu, cabaran dan dugaan tetap akan mendatangi kita walaupun seikhlas mana kita bekerja. Oleh itu, kita harus memupuk jiwa yang besar. Jiwa yang kecil umpama perahu kecil yang karam dipukul badai sebelum sampai ke tujuannya.

\* Profesor Dr Huzili Hussin ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Malaysia Kelantan

SINAR HARIAN

Tarikh: ..... 19 SEP 2024



# Defisit fiskal Malaysia dijangka rendah



EKONOMI

Pengurangan itu mungkin disebabkan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah (DevEx)

KUALA LUMPUR

84 19/9

**B**IMB Securities Sdn Bhd menjangkakan defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 3.5 peratus sejajar dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk Belanjawan 2025.

BIMB Securities dalam laporannya pada Rabu menjelaskan, di bawah RMK-12, kedudukan imbalan fiskal Malaysia diramalkan berubah lebih rendah pada jajaran 3.5 hingga 3.0 peratus menjelang 2025, sambil menambah bahawa pengurangan itu

mungkin disebabkan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah (DevEx).

"Selepas mencatatkan lebih daripada RM90 bilion DevEx dalam tempoh dua tahun lalu, kami menjangkakan DevEx berada pada RM78.3 bilion menjelang 2025," katanya.

Kerajaan telah memulakan langkah bagi mengurangkan perbelanjaan mengurus (OpEx) melalui inisiatif rasionalisasi subsidi, antara langkah lain, tetapi garis masa rasionalisasi subsidi RON95 yang mewakili sebahagian besar daripada jumlah subsidi, masih tidak menentu.

"Kami percaya sebarang perubahan dalam subsidi petrol adalah sensitif khususnya kerana ia menjejaskan kos sara hidup dan tekanan inflasi.

"Sebaliknya, terdapat tekanan menaik terhadap OpEx, terutamanya kenaikan gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini," katanya.

Mengurangkan OpEx adalah satu kaedah untuk menangani defisit fiskal tetapi ini menimbulkan cabaran kepada kerajaan, sementara meneghad-

kan DevEx boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi keseluruhan dalam jangka sederhana dan panjang.

Namun, ia tidak menjangkakan cukai penggunaan baharu dalam Belanjawan 2025 akan datang.

"Memandangkan rang undang-undang cukai barang dan perkhidmatan telah dimansuhkan pada 2018, rang undang-undang cukai penggunaan baharu perlu dibentangkan di Parlimen," kata laporan itu sambil menambah ini akan mengambil masa untuk dilaksanakan.

Menurut BIMB Securities, defisit fiskal Malaysia diunjurkan lebih rendah daripada 2.0 peratus di bawah empat senario yang berpotensi seperti tiada cukai penggunaan baharu serta pengurangan sebahagian daripada subsidi bahan api; tiada cukai penggunaan baharu dan pemotongan sepenuhnya subsidi bahan api; cukai penggunaan baharu manakala status quo subsidi RON95 kekal dan cukai penggunaan baharu dengan pengurangan penuh subsidi bahan api.

- Bernama

SINAR HARIAN  
Tarikh: ..... 19 SEP 2024 .....



Oleh Suzalina Halid  
am@hmetro.com.my

#### Kuala Lumpur

**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan pelbagai kaedah bagi membersihkan jalan dan lorong 'belakang' di ibu kota yang terkenal dengan aktiviti pelacuran.

Antara usaha 'pembersihan' yang diatur termasuk pengindahan fizikal menerusi pembukaan kafe, kedai makanan dan galeri oleh anak muda.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, pihaknya sedang jalankan pembersihan dan pengindahan lorong belakang dan akan digantikan dengan penggiat kafe atau kedai makan oleh anak muda atau galeri.

"Kita beri insentif. Kita ingin jadikan kawasan ini seperti di Paris dengan menukarnya kepada aktiviti lain, mungkin juga kita letakkan mural.

"Apabila kawasan ini sudah terang dan bersih, saya harap aktiviti pelacuran tiada lagi ataupun dapat dikurangkan," katanya melalui program 'Podcast BH, Borak Harini: 'Kuala Lumpur di Tangan Maimunah' yang mula disiarkan semalam.

Pada masa sama, Maimunah berkata, pihaknya juga akan mengusahakan supaya aspek penguatkuasaan ditingkatkan secara bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen terhadap rumah pelacuran di ibu negara.

Ini kerana punca kuasa DBKL hanya membabitkan premis dan lesen operasi,



## Ganti dengan kafe, galeri <sup>(DBKL)</sup>

*DBKL sedang bersihkan jalan, lorong 'belakang' yang terkenal dengan aktiviti pelacuran*

sebaliknya jika ia berkaitan aspek lain seperti pekerja asing dan jenayah, ia di bawah bidang kuasa PDRM dan Jabatan Imigresen.

"Masa saya berjumpa dengan Ketua Polis Daerah Dang Wangi yang baharu (Asisten Komisioner Suli-zmie Affendy Sulaiman), saya ada cadangkan mari kita lakukan operasi secara bersepadu.

"Ia memang sudah ada tetapi hendak kerapkan lagi sebab (DBKL) nak tangkap tak boleh, kalau buat bersepadu dan berterusan,

mungkin (pelacuran) boleh dikurangkan walaupun susah dihapuskan," katanya.

Julai lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan tidak menolak kemungkinan wujudnya elemen sogokan sehingga menyebabkan pusat pelacuran di ibu kota sukar dihapuskan.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan pimpinannya sudah mengambil tindakan agak keras sejak tahun lalu bagi menangani isu terbabit.

Menyentuh aspek pelancungan, Maimunah berkata, beliau mahu tarikan di ibu kota adalah berteraskan pendekatan yang sihat dan bersih.

Katanya, ia termasuklah kewujudan rumah urut atau spa yang beroperasi secara sah tanpa adanya elemen negatif.

"Kita mahukan rumah urut yang 'bersih' dan teratur, itu adalah tarikan pelancungan tetapi mesti berjalan dalam landasan perundangan bukan sebaliknya," katanya.

**HARIAN METRO**

Tarikh: 19 SEP 2024



**PENJAJA 'RAMBO' DI IBU KOTA**

11m 19/9 (DBKL)

## **DBKL ambil 1,860 tindakan sitaan**

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penguatkuasaan sentiasa membuat pemantauan dan tindakan terhadap penjaja tanpa lesen atau penjaja 'rambo' di sekitar ibu negara.

DBKL dalam satu kenyataan kepada Harian Metro berkata, sejak awal tahun ini sehingga kini, pihaknya sudah melakukan 1,860 tindakan sitaan yang membabitkan warganegara tanpa lesen dan 2,261 tindakan sitaan terhadap bukan warganegara tanpa lesen.

"Kesemua tindakan yang diambil terhadap penjaja

tanpa lesen termasuk penjaja 'rambo' adalah di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

"Sejak Januari tahun ini, DBKL sudah melakukan 1,860 tindakan sitaan membabitkan warganegara tanpa lesen dan 2,261 tindakan sitaan bagi bukan warganegara tanpa lesen.

"Kedua-dua tindakan terhadap warganegara dan bukan warganegara ini termasuklah tindakan terhadap penjaja

'rambo' seperti dibangkitkan," katanya.

DBKL berkata, pelbagai usaha sudah dilakukan bagi mengekang aktiviti ini daripada terus berlaku.

"Antaranya adalah dengan meningkatkan rondaan di lokasi *hotspot* penjualan oleh penjaja 'rambo' seperti di Dataran Merdeka, KLCC, Pavillion Bukit Bintang, Monorail Sungei Wang (Maybank Lama) serta sekitar Bukit Bintang.

"Selain itu, DBKL juga turut menempatkan bit penguat-

kuasaan di Dataran Merdeka dan KLCC bagi memudahkan pemantauan dijalankan anggota penguat kuasa di lapangan," katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan kegiatan penjaja tanpa lesen masih wujud di sekitar ibu negara sehingga mampu meraih pendapatan RM3,000 sehari.


Mereka didapati menjual pelbagai barangan hiasan, bunga, permainan kanak-kanak, belon dan hiasan berlampu di sekitar kawasan terbabit yang menjadi tumpuan pelancong.

Kebanyakan penjaja berkenaan berasal dari Bangladesh, Filipina, Myanmar dan Indonesia.

**DBKL sudah melakukan 1,860 tindakan sitaan sejak Januari lalu**

**HARIAN METRO**  
Tarikh: 19 SEP 2024





SULTAN Ibrahim dipersembahkan laporan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri-Negeri bagi tahun 2023 oleh Wan Suraya.

## Agong dipersembah laporan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri-Negeri

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dipersembahkan laporan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri-Negeri bagi tahun 2023 sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi akan datang.

Menerusi perkongsian di laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, laporan berkenaan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda oleh Ketua Audit Negara Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi. Sesi menghadap bersa-

ma Seri Paduka Baginda berlangsung di Istana Negara di sini semalam.

Belanjawan 2025 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Okt ini bertemakan "Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera". - Bernama

HARIAN METRO

Tarikh: ..1..9..SEP....2024....



# Siasat surat layang aduan rasuah pastikan integriti DBKL

19/9  
24

Komitmen awal dizahirkan Datuk Bandar Kuala Lumpur wanita pertama, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif selepas dilantik jawatan itu pada 15 Ogos lalu adalah tidak bertoleransi terhadap isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa pegawai serta anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Selepas sebulan menduduki kerusi Datuk Bandar, bekas Penasihat Majlis Antarabangsa Inisiatif Alam Sekitar Tempatan (ICLEI) itu turut menumpukan aspek pembersihan Kuala Lumpur daripada penguasaan peniaga warga asing, transformasi ibu negara sebagai bandar raya selamat dan berdaya huni.



Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

## Kuala Lumpur:

Dalam usaha melaksanakan sifar toleransi

terhadap rasuah membabitkan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif bertekad akan menyiasat sebarang laporan berhubung salah laku itu walaupun maklumat disampaikan melalui surat layang. Langkah itu dilakukan bagi menzahirkan betapa seriusnya

beliau hendak menangani isu rasuah membabitkan kakitangan DBKL. Atas faktor itu, jika aduan diterima terbukti benar, beliau tidak teragak-agak akan mengambil tindakan tegas terhadap golongan terbabit.

"Saya tidak bertoleransi kalau ada aduan dan terbukti pegawai mengambil rasuah, kita akan mengambil tindakan sepenuhnya."

"Walaupun surat layang sekalipun kita akan mengambil tindakan. Kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang. Setiap apa saya terima, tidak akan dimasukkan dalam fail sahaja."

"Ia tetap disemak sebelum prosedur susulan dilaksanakan bagi memberi gambaran saya serius dalam hal ini," katanya menerusi program Podcast BH.

Borak Hari Ini bertajuk *Kuala Lumpur di Tangan Maimunah*, baru-baru ini.

Pada masa sama, Maimunah berkata, dalam menutup ruang untuk berlaku rasuah, pasukannya sedang melihat jika wujud kelainan pada sebarang prosedur urusan dengan DBKL.

## Tambah baik SOP penyampaian

Beliau berkata, prosedur operasi standard (SOP) dalam penyampaian perkhidmatan DBKL juga akan ditambah baik bagi memastikan tiada ruang untuk penawaran bagi sebarang babuan.

"Ketika hari pertama sidang media iaitu hari sama enam kakitangan DBKL dihadapkan di mahkamah, saya nyatakan prinsip saya adalah sifar toleransi terha-



Bangunan lama kosong sekitar Kuala Lumpur boleh ditukar kepada perumahan di dalam bandar.

## Penguatkuasaan bersepadu bersihkan 'lorong hanyir' di KL

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan pelbagai kaedah bagi membersihkan jalan dan 'lorong belakang' di ibu kota yang dikatakan terkenal dengan aktiviti pelacuran. Antara usaha pembersihan diatur, termasuk pengindahan fizikal menerusi pembukaan kafe, kedai

makanan dan galeri oleh anak muda.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, berkata pihaknya sedang menjalankan pembersihan dan pengindahan lorong belakang serta akan menggantikannya dengan pengkaji kafe atau kedai makan anak muda atau galeri.



Penguat kuasa DBKL, menjalankan operasi membanteras kegiatan maksiat di sekitar ibu kota.







Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussien Aljunied (kiri) bersama Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Timbalan Pengarang Kumpulan BH, M Thilindan (dua dari kiri) mengiringi Maimunah ketika hadir pada program Podcast BH, Borak Hari Ini di Balai Berita Bangsar. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

dap rasuah.

"Kita ada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam Jabatan Integriti DBKL perlu mendidik rasuah itu tidak elok, jangan ambil.

"Jika tiada orang memberi maka tiada menerima. Kalau SOP baik dari segi kekhulisan (lesen), maka tiada ruang hendak beri habuan lagi," katanya sambil menambah mana-mana pihak mempunyai isu berkaitan proses pendaftaran lesen atau adanya halangan boleh tampil kepadanya memberikan maklumat.

Sementara itu, bagi memastikan sesuatu agensi itu baik pentadbirannya, beliau berkata, ia harus bermula pada peringkat

atas, membabitkan ketua jabatan yang mana mereka adalah pihak perlu memainkan peranan.

"Paling penting adalah ketua jabatan perlu bersih kerana ia bermula dari atas, bukan di bawah. Kalau di atas elok, bawah pun akan jadi elok," katanya.

Sebelum ini, timbalan pengarah dan pegawai penguat kuasa DBKL didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada penjaga pusat hiburan tanpa lesen.

Mahkamah Sesyen di sini turut menjatuhkan hukuman denda RM13,000 terhadap seorang pembantu penguat kuasa DBKL atas lima pertuduhan kerana melindungi premis menggunakan lesen Ali Baba

pada 15 Ogos lalu.

Sementara itu, Maimunah berkata, pihaknya akan membatalkan serta-merta lesen premis perniagaan milik peniaga tempatan disewakan kepada warga asing.

Amaran itu diberikan beliau kepada peniaga tempatan yang terbabit dalam aktiviti 'Ali Baba'.

"Kalau jumpa lesen 'dialibabakan' dan ada bukti, kita akan batalkan serta-merta.

"Kita bagi lesen murah, gerai bagi sewa murah sekali dengan kemudahan air dan elektrik. Dia nak senang tidak mahu berniaga hendak dapat RM1,000 hingga RM2,000 sebulan (hasil sewakan lesen) dan mereka sewa dapat RM10,000, bagi saya tidak patut," katanya.



"Kita beri insentif, ingin jadikan kawasan ini seperti 'side walk cafe' di Paris dengan menukarnya kepada aktiviti lain, mungkin kita letakkan mural.

"Apabila kawasan ini terang dan bersih, saya harap aktiviti pelacuran tiada lagi ataupun dapat dikurangkan," katanya melalui program Podcast BH, Borak Hari Ini: Kuala Lumpur di Tangan Maimunah. Podcast itu mula disiarkan semalam.

Pada masa sama, Maimunah berkata, pihaknya juga akan mengusahakan supaya aspek penguatkuasaan ditingkatkan secara bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen terhadap rumah pelacuran di ibu negara.

Ini kerana punca kuasa DBKL hanya membabitkan premis dan lesen operasi, sebaliknya jika berkaitan aspek lain seperti pekerja asing dan jenayah, ia di bawah bidang kuasa PDRM dan Imigresen.

"Masa berjumpa Ketua Polis Daerah Dang Wangi baharu (Asisten Komisioner Sullizmie Affendy Sulaiman) saya cadang mari kita lakukan operasi secara bersepadu.

"Ia memang sudah ada, tetapi

hendak kerapkan lagi sebab (DBKL) nak tangkap tak boleh, kalau buat bersepadu dan bertenangan mungkin (pelacuran) boleh dikurangkan walaupun susah dihapuskan," katanya.

Sebelum ini, polis mengenal pasti empat lokasi sarang pelacuran di sekitar ibu kota iaitu Jalan Petaling, Jalan Gelang dan Jalan Pudu.

Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan tidak menolak kemungkinan wujud elemen sogokan sehingga menyebabkan pusat pelacuran di ibu kota sukar dihapuskan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan pimpinannya sudah mengambil tindakan agak keras sejak tahun lalu bagi menangani isu terbabit.

Menyentuh aspek pelancongan, Maimunah berkata, beliau mahu tarikan di ibu kota berteraskan pendekatan sihat dan bersih termasuk kewujudan rumah urut atau spa beroperasi secara sah tanpa elemen negatif.

"Kita mahu rumah urut yang 'bersih' dan teratur, itu tarikan pelancongan tetapi mesti berjalan dalam landasan perundangan," katanya.



# SPRM dedah 11 masalah Imigresen

**Kawalan dalaman longgar antara kelemahan buka ruang sindiket bawa masuk warga asing**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyenaraikan 11 masalah dan kelemahan utama dalam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sehingga membuka ruang kepada sindiket membawa masuk warga asing menggunakan modus operandi *'counter setting'*.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata masalah utama disebabkan kelonggaran dalam aspek kawalan dalaman ketika bertugas yang menyebabkan pegawai imigresen mudah didedahkan oleh sindiket.

Katanya, kelemahan lain ialah

pusingan tempat kerja bagi pegawai imigresen yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan 2 yang tidak sistematik.

"Pusingan kerja tidak sistematik ini menyebabkan pihak ejen dan sindiket senang untuk berurusan dengan pegawai penyelia, mahupun mereka yang menjaga kaunter."

"Mereka terlebih dahulu mengetahui pegawai ini akan bertugas di kaunter mana dan akan berlakunya *'counter setting'*," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.



Azam Baki

Azam berkata, pihaknya turut mengesan kelemahan dari aspek kurang pemantauan dan penyeliaan sehingga menyebabkan wujud kelompangan dalam kaedah kerja.

Katanya, sistem pemeriksaan ke atas kemasukan warga asing juga mudah untuk dimanipulasi dan susah untuk membuat semakan semula.

"Kelemahan lain ialah terlalu selesa dan lama bertugas di lokasi yang sama, persekitaran tempat kerja di pintu masuk KLIA Terminal 1 dan 2 itu sendiri, di mana dikesan ada pe-

gawai imigresen turut memberi dan membayar rasuah dalam kalangan pegawai imigresen sendiri.

"Slasatan turut mendapati wujud amalan dalam kalangan pegawai imigresen yang menerima rasuah bagi melepaskan warga asing yang tidak menepati syarat kemasukan," katanya.

## Tiada pengawasan ketat

Beliau berkata, pihak mengesan tiada prosedur operasi standard (SOP) serta pengawasan yang ke-

lat dan Jabatan Imigresen perlu bertanggungjawab membuat operasi besar-besaran menahan pendatang asing tanpa izin.

"Tiada pemantauan dan tapisan pihak ketiga membolehkan semakan dokumen tiket pulang serta penginapan sepanjang tempoh berada di Malaysia, manakala masalah terakhir dikesan adalah kerana habuan rasuah yang lumayan," katanya.

Justeru, Azam berkata, SPRM mencadangkan kepada jabatan itu supaya pegawai imigresen

yang bertugas di KLIA Terminal 1 dan 2 termasuk penyelia, tidak dibolehkan membawa telefon bimbit ketika bertugas.

Katanya, ia bagi mengelakkan mereka mudah dihubungi pihak lain.

"Perlu diwujudkan jaringan perhubungan komunikasi lain sepanjang bertugas. Jadual penetapan pegawai di kaunter dibuat ketika pegawai masuk bertugas dan sudah berada di zon kaunter. Mungkin penetapan boleh dibuat pihak lain," katanya.

## 11 kelemahan utama buka ruang sindiket *'Counter Setting'*

- 1 Kelonggaran aspek kawalan dalaman ketika bertugas**
- 2 Pusingan kerja pegawai imigresen di KLIA tidak sistematik**
- 3 Kurang pemantauan dan penyeliaan**
- 4 'Loop-hole' dalam kaedah kerja**
- 5 Sistem pemeriksaan kemasukan warga asing mudah dimanipulasi**
- 6 Terlalu selesa dan lama bertugas di lokasi sama**
- 7 Persekitaran tempat kerja di KLIA dikesan terdapat pegawai imigresen memberi rasuah sesama mereka**
- 8 Wujud amalan pegawai imigresen menerima rasuah bagi melepaskan warga asing tidak menepati syarat kemasukan**
- 9 Tiada SOP, pengawasan yang ketat dan imigresen perlu buat operasi besar-besaran tahan PATI**
- 10 Tiada pemantauan/tapisan pihak ketiga membolehkan semakan dokumen tiket pulang dan penginapan sepanjang tempoh di Malaysia**
- 11 Habuan rasuah yang lumayan**

## Info Modus Operandi *'Counter Setting'*

Ejen/sindiket promosi pakej masuk ke Malaysia menerusi media sosial



Pegawai imigresen memberikan maklumat nombor 'kaunter khas' yang perlu dituju oleh kumpulan warga asing



Ejen menghubungi pegawai imigresen menerusi WhatsApp mendapatkan tarikh sesuai untuk kumpulan warga asing datang ke Malaysia



Sebaik melepasi kaunter, ejen/sindiket akan membawa warga asing ke destinasi tujuan mereka



Pegawai imigresen akan memberi 'green light' jika tarikh berkenaan sesuai. Ejen/sindiket memberikan butiran pasport dan gambar kumpulan warga asing yang akan tiba menerusi WhatsApp kepada pegawai imigresen



## RM800,000 ditemui dalam rumah dua pegawai gred rendah

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan, penemuan wang tunai hampir RM800,000 dalam serbuan terhadap rumah dua pegawai imigresen bergred rendah, yang terbahagi sindiket *'counter setting'*.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata selain wang RM518,250 dalam begasi di bilik tidur pegawai imigresen wanita Gred KP22 di kediamannya di Pahang, SPRM turut menemui RM248,443 yang disimpan di bawah katil bilik utama pegawai imigresen lelaki Gred KP19 di rumahnya di Melaka.

Jumlah yang ditemukan dalam dua serbuan itu, katanya adalah sebahagian daripada keseluruhan wang tunai RM1.49 juta yang disita daripada penguat kuasa imigresen yang bersekongkol dengan sindiket *'counter setting'*.

"Sepanjang operasi ini, SPRM menyita wang tunai AS\$9,900 (RM41,990) serta 5,470 Bath (RM696)," katanya di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Selain tunai, Azam berkata, pi-

haknya turut menyita 27 keping dinar emas seberat 575.75 gram dengan anggaran nilai melebihi RM200,000 daripada pegawai imigresen Gred KP22 di Negeri Sembilan.

Sepanjang operasi terbahagi, katanya pihaknya juga menyita 22 kenderaan membolehkan sembilan kereta dan 13 motosikal, selain lebih 75 barangan kemas seperti cincin, gelang, rantai, loket dan subang serta 12 jam tangan pelbagai jenama.

SPRM turut membekukan 215 akaun bank 16 syarikat dan 84 individu dengan nilai pembekuan melebihi RM3.6 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, Azam berkata, dalang utama yang juga seorang pegawai imigresen *'berpengaruh'* yang bersekongkol dengan sindiket membawa masuk warga asing menggunakan modus operandi *'counter setting'* akan didakwa di mahkamah awal bulan depan.

Katanya, suspek berusia 40-an ditahan pada 5 September lalu selepas meloloskan diri ketika operasi dijalankan sebelum itu.



# Tukar kompleks komersial terbiar jadi rumah perantau muda

**Kuala Lumpur:** Bangunan komersial terbiar dan kosong dalam ibu kota akan ditransformasi sebagai perumahan mikro bagi menampung keperluan warga kota, terutama golongan muda atau lepasan universiti bekerja di Lembah Klang.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, berkata kaedah itu dilihat membantu anak muda berhijrah ke ibu kota dalam aspek kediaman untuk memulakan kehidupan.

"Sudah dua minggu ini, saya berjalan di Kuala Lumpur, saya dapati ada bangunan lama kosong, kenapa tidak kita tukar kepada perumahan di dalam bandar?"

"Mereka baharu habis pengajian dan keluar universiti, belum berkahwin, tidak perlu rumah besar untuk memulakan kehidupan di sini," katanya dalam program Podcast BH, Borak Harini: *Kuala Lumpur di Tangan Maimunah*, baru-baru ini.

Pada masa sama, Maimunah berkata, pihaknya mahu Kuala Lumpur dilihat penghuninya sebagai tempat bukan sahaja untuk bekerja, tetapi juga rumah untuk didiami dan melakukan rekreasi.

Atas dasar itu, beliau mahu mereka yang bekerja di ibu kota supaya menetap di sini kerana dengan cara itu mengurangkan kesesakan, sekali gus memberi kesan kepada usaha mengurangkan pelepasan karbon.

Dalam perkembangan sama, Maimunah berkata, bagi meningkatkan aspek kediaman di ibu kota, pihaknya mengenal pasti 139 lokasi untuk dimasukkan dalam program 'pemuliharaan semula bandar'.

Beliau berkata, melalui program itu, kediaman usang akan dibaiki atau dibina semula, selain konsep komuniti serta kejiranan diperkasakan.

"Saya melihat ada lagi keper-

luan untuk (pembangunan) perumahan kalau kita lihat dari segi penduduknya kini mencecah lapan juta orang, namun perlu melihat kepada rekaan perancangannya.

"Walaupun rumah berkonsep unit bertingkat, masih ada ruang untuk berekreasi, berjalan dan paling penting kehijauan itu masih ada. Ini penting sebagai mengisi 'roh' warga kota," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan susulan tragedi lubang jerlus di Jalan Masjid India, Maimunah menegaskan Kuala Lumpur selamat untuk diduduki dan dikunjungi pelancong.

Beliau berkata, melalui kajian pasukan petugas dibentuk, termasuk membabitkan pakar geologi di kawasan tanah jerlus, belum ada penemuan batu kapur di kedalaman 45 meter bawah tanah.

Namun katanya, susulan insiden pada 23 Ogos lalu, pemantauan secara berkala akan dilaksanakan di tempat awam.

Mengulas mengenai harapannya terhadap Kuala Lumpur, Maimunah berkata, beliau mahu memastikan penduduk menetap di ibu kota merasai kesejahteraan di ibu kota sepanjang ditadbir beliau.

Katanya, itu adalah legasi mahu ditinggalkannya, selain menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya cemerlang, berdaya huni dan dicintai.

"Saya mahu apabila mereka jumpa saya, mereka sangat gembira duduk di Kuala Lumpur kerana kesejahteraannya. Bantu dan sokong saya menjalankan peranan sebagai Datuk Bandar.

"Pembabit orang ramai, pelabur, institusi pengajian, wanita dan golongan muda amat penting untuk sama-sama menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar global di rantau ASEAN," katanya.



Pemuliharaan semula bangunan lama di sekitar Kuala Lumpur mampu menjadi tarikan pelancong.

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.9.SEP.2024



# Wanita idola beri inspirasi untuk majukan diri

**Kuala Lumpur:** Seramai 11 finalis dipilih sebagai Wanita Ikon Negeri 2024/2025, manakala enam lagi berjaya menyandang gelaran Wanita Ikon Muda Negeri 2024/2025.

Anugerah berkenaan adalah anjuran Kelab Wanita Ikon Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Ini adalah satu medium pencarian wanita hebat yang berupaya memberikan inspirasi serta membimbing wanita untuk bangkit memajukan diri dan berjaya dalam bidang yang diceburi.

Presiden Kelab Wanita Ikon Malaysia (KWIM), Datuk Normaziah Sheikh Mohamed, berkata anugerah itu bermula sejak 2007 dan kini mencapai siri kelima penganjurannya serta dilaksanakan setiap dua tahun.

Katanya, pencarian wanita ikon pada kali ini bermula sejak Februari lalu dan daripada 185 pencalonan diterima, hanya 85 calon berjaya melepasi saringan pertama.

"Sesi temu duga penjurian di-



Antara finalis Wanita Ikon Negeri dan penyandang gelaran Wanita Ikon Muda Negeri 2024/2025.

laksanakan di 13 negeri dan 11 orang calon berjaya menyandang gelaran Wanita Ikon Negeri 2024/2025, manakala enam calon menyandang gelaran Wanita Ikon Muda Negeri 2024/2025.

"Semua finalis melalui sari-

ngan, penugasan dan temu duga penjurian sebelum dinobatkan sebagai pemenang," katanya.

Beliau berkata, kemuncak anugerah itu adalah Majlis Gala Anugerah Wanita Ikon Malaysia 2024/2025 di mana pemenang Wa-

nita Ikon Malaysia 2024/2025 akan dinobatkan.

"Turut akan dinobatkan bersama adalah enam anugerah lain iaitu Anugerah Khas Tokoh Wanita Ikon Malaysia, Anugerah Wanita Ikon Muda, Anugerah Wanita

Ikon Inspirasi, Anugerah Wanita Ikon Waja, Anugerah Ibu Ikon dan Anugerah *He for She*.

"Majlis diadakan pada 22 September ini di Dewan Merdeka, World Trade Center (WTC)," katanya.

**BERITA HARIAN**  
Tarikh.....19 SEP.2024.....



# Kes femicide makin membimbangkan

**WAO gesa pendekatan komprehensif tangani kes bunuh wanita, budak perempuan**

Oleh Saadiah Ismail  
bhrencana@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) menegaskan, peningkatan kes pembunuhan yang berlaku di negara ini membabitkan wanita dan kanak-kanak perempuan yang disebut sebagai femicide amat membimbangkan.

Berdasarkan pemantauan WAO, bermula Januari sehingga Ogos ini, sebanyak 17 kes femicide dilaporkan dan secara purata dua kes pembunuhan wanita dilaporkan dalam media setiap bulan.

Pegawai Penyelidikan dan Advokasi, WAO, Alethea Choo, berkata femicide merujuk kepada kekerasan atau pembunuhan wanita dan kanak-kanak perempuan dengan sengaja atas dasar gender.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), femicide boleh didorong oleh stereotaip peranan gender, diskriminasi

terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan, hubungan kuasa yang tidak seimbang antara wanita dan lelaki, atau norma sosial yang berbahaya.

Katanya, ia adalah bentuk keganasan berasaskan gender yang melampau di mana ia boleh dilakukan oleh pelbagai pelaku, termasuk ahli keluarga, pasangan, kenalan, orang yang tidak dikenali serta dalam konteks jenayah terancang.

"Bagaimanapun, femicide paling kerap dilakukan oleh pasangan atau individu yang rapat dengan mangsa di mana berdasarkan pemantauan, 60 peratus daripada kes femicide membabitkan pasangan (sudah berkahwin 46.7 peratus dan belum berkahwin 13.3 peratus).

"Baki 40 peratus dilakukan oleh individu yang dipercayai, saudara mara, 20 peratus dan orang lain seperti rakan sekerja, 20 peratus.

"Secara tidak langsung, ia menunjukkan terdapat kelaziman jenayah maut ini dalam lingkungan domestik dan femicide ini satu perspektif penting yang diabaikan," katanya dalam kenyataan media.

Dua bulan lalu, dua kes femicide profil tinggi dilaporkan dalam media iaitu pada 17 Ogos lalu, Nuraina Humaira Rosli, 10, ditemui mati di sebuah paya berhampiran Kampung Orang Asli Bersah, Pos Kuala Mu dan pada 17 Julai lalu, jenazah Nur Farah Kartini Abdullah, 25, ditemui di

ladang sawit di Kampung Sri Kleang, Hulu Selangor.

Kedua-dua kes ini pelakunya adalah individu yang dikenali mangsa dan ia disiasat sebagai pembunuhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

## Gagal akui motif gender

Alethea, berkata walaupun femicide ini disifatkan 'parah', sistem perundangan negara ini tidak secara khusus mengiktirafnya sebagai satu jenayah yang tersendiri memandangkan kes femicide sering didakwa di bawah peruntukan am Kanun Keseksaan, seperti seksyen 302 dan 307.

Beliau mendakwa, undang-undang ini bagaimanapun, gagal untuk mengakui motif gender dan pola penderaan yang sering mendahului pembunuhan ini.

"Kekurangan pengiktirafan undang-undang khusus ini bukan saja menafikan keadilan buat mangsa, bahkan mengaburkan isu sosial yang menyumbang kepada jenayah ini.

"Hasil tinjauan WAO 2021 mengenai keganasan terhadap wanita (VAW), mendapati lebih separuh daripada rakyat negara ini menunjukkan, sikap menormalisasikan VAW dan memahami sentimen sosial ini adalah penting dalam usaha mengukuh-

kan tindak balas kolektif kami terhadap femicide," katanya.

Justeru beliau berkata, bagi memerangi femicide secara berkesan, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas antaranya dengan meminda Kanun Keseksaan untuk mentakrifkan dan menjenayahkan femicide secara eksplisit.

"Pengiktirafan undang-undang sedemikian akan membolehkan sistem keadilan menangani dinamik khusus keganasan berasaskan gender yang membawa kepada femicide seperti yang dilaksanakan di pelbagai negara Latin dan Amerika Selatan, termasuk Chile, Argentina dan Mexico.

"Kedua, perlu ada latihan sensitif gender untuk pegawai penguat kuasa undang-undang bagi

memastikan mereka dapat mengenali dan bertindak balas terhadap aspek keganasan gender.

"Ini kerana kerap kes femicide dikendalikan

tanpa tindakan segera dan sensitiviti yang diperlukan, yang membawa kepada trauma lanjut bagi keluarga dan komuniti mangsa.

"Selain itu, pengumpulan data terperinci dan sistematik mengenai femicide amat diperlukan untuk memahami skop sebenar femicide di negara ini supaya usaha untuk merangka dasar dan strategi intervensi yang berkesan tidak terhalang," katanya.

Alethea berkata, pencegahan femicide memerlukan perkhidmatan sokongan yang mantap untuk wanita berisiko terhadap keganasan berasaskan gender, termasuk akses kepada tempat perlindungan selamat, perlindungan undang-undang dan kaunseling psikologi.



BERITA HARIAN  
Tarikh... 19 SEP 2024



# Imigresen perlu buang sistem lapuk, guna AI tangani penyeludupan warga asing

Berdasarkan modus operandi *counter setting* pegawai imigresen seperti didedahkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, ejen atau sindiket akan menghubungi pegawai imigresen menerusi aplikasi WhatsApp untuk mendapatkan tarikh sesuai membolehkan kumpulan warga asing datang ke Malaysia sebagai pelancong sebelum pegawai terpilih memberikan lampu hijau tarikh bersesuaian.

Butiran pasport dan gambar kumpulan warga asing bakal tiba dikongsikan kepada pegawai imigresen terbabit menerusi WhatsApp sebelum memberikan maklumat nombor 'kaunter khas' perlu dituju kumpulan warga asing untuk masuk ke Malaysia.

Modus operandi ejen dan pegawai imigresen ini benar-benar licik serta kreatif bagi menutup penipuan terancang mereka. Namun 'sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga'. Bermakna, Jabatan Imigresen juga perlu lebih kreatif mematahkan sebarang gerakan terancang ejen atau sindiket yang bersekongkol dengan pegawai.

Modus operandi ini mungkin disedari pihak atasan imigresen, tetapi sukar untuk mencekup pegawai pelaku disebabkan kelicikan mengelak daripada dikesan kerana menggunakan aplikasi mudah dimanipulasi tanpa jejak selain wujud 11 kelemahan dalam operasinya.

Atas faktor ini, tulisan pojok *Belalang* pada Ahad lalu menggelarkan pegawai imigresen menjadi dalang kemasyarakatan pendatang secara haram bukan sahaja perasuah, malah pengkhianat negara.

Dalam hal ini, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban yang baharu dilantik kelmarin tidak boleh bertangguh bertindak bagi 'membersihkan' jabatan dipimpinnya di setiap pintu masuk negara kerana ia benar-benar merosakkan imej agensi berkenaan.

Setidak-tidaknya, pengurusan tertinggi imigresen perlu merangka pelan bertindak segera bagi mewujudkan strategi menangani *counter setting* daripada terus berleluasa dan menjadi lubuk rasuah pegawai jabatan itu.

Seiring dengan kepesatan teknologi internet dan digital hari ini, Jabatan Imigresen sudah boleh berkira-kira untuk meminta peruntukan Belanjawan 2025 bagi pemerolehan peralatan dan teknologi, terutama memperluaskan sistem automasi sepenuhnya di kaunter daftar masuk negara seperti kiosk layan diri seperti dilaksanakan ketika ini.

Penggunaan teknologi digital termasuk kecerdasan buatan (AI) misalnya berupaya mengurangkan interaksi secara langsung pegawai imigresen dengan warga asing, mengecilkan peluang dan ruang salah guna kaunter untuk menyeludup warga asing.

Teknologi memantau pergerakan dan tugas setiap pegawai di kaunter juga perlu difikirkan bagi membendung aktiviti *counter setting* berterusan. Amalan menukar pegawai secara berkala perlu dilaksanakan lebih kerap bagi mengelak pegawai di kaunter daftar masuk mempunyai 'hubungan' peribadi dengan ejen atau sindiket menyeludup warga asing.

Jika melihat modus operandi ejen dan pegawai terbabit, penggunaan teknologi digital dan AI bukan satu pilihan lagi sebaliknya keperluan mendesak bagi mencegah aktiviti ini.

BERITA HARIAN  
Tarikh.....19 SEP. 2024.....



# Jumpa wang tunai RM800,000 dalam bilik pegawai imigresen

Oleh KAMARIAH KHALIDI  
utusannews@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki hari ini mendedahkan sejumlah RM766,693 wang tunai ditemui dalam bagasi dan di bawah katil dalam bilik tidur menerusi serbuan di kediaman pegawai imigresen yang terbabit dalam sindiket 'counter setting'.

Menurut beliau, selain wang tunai RM518,250 dalam bagasi di bilik tidur pegawai wanita Imigresen Gred KP22 di kediamannya di Pahang, SPRM turut menemukan wang tunai RM248,443 yang disimpan di bawah katil bilik utama pegawai Imigresen lelaki Gred KP19 di rumahnya di Melaka.

Jelasnya, wang tunai yang ditemukan itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan RM1.49 juta yang berjaya disita daripada penguat kuasa yang bersekongkol dengan sindiket 'counter setting'.

"SPRM turut menyita wang tunai AS\$9,900 (RM41,990) dan 5,470 Bath (RM696) menerusi operasi tersebut," katanya menerusi sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini semalam.

Selain wang tunai, Azam berkata, SPRM turut menyita sebanyak 27 keping dinar emas seberat 575.75 gram dengan anggaran nilai melebihi RM200,000 daripada pegawai Imigresen



**AZAM Baki menunjukkan barangan yang dirampas daripada sindiket 'counter setting' pada sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, semalam.**

Gred KP22 di Negeri Sembilan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sepanjang operasi berkenaan, pihaknya juga menyita 22 kenderaan iaitu sembilan kereta dan 13 motosikal, selain lebih 75 barangan kemas seperti cincin, gelang, rantai, loket dan subang serta 12 jam tangan pelbagai jenama.

"SPRM turut membekukan 215 akaun bank milik 16 syarikat dan 84 individu dengan nilai pembekuan melebihi RM3.6 juta," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, beliau mendedahkan modus operendi sindiket 'counter setting' berkenaan adalah dengan

mempromosikan pakej untuk masuk ke negara ini menerusi platform media sosial khususnya Facebook dan Telegram.

Katanya, terdapat ejen yang akan menghubungi pegawai imigresen terbabit menerusi aplikasi WhatsApp bagi mendapatkan tarikh sesuai bagi membolehkan kumpulan warga asing itu datang ke Malaysia sebagai pelancong.

"Pegawai Imigresen kemudian akan memberikan 'lampu hijau' jika tarikh berkenaan sesuai. Ejen atau sindiket akan memberikan butiran passport dan gambar kumpulan warga asing yang akan tiba menerusi

WhatsApp kepada pegawai imigresen terbabit.

"Pegawai itu akan memberikan maklumat nombor 'kaunter khas' yang perlu dituju oleh kumpulan warga asing untuk pelepasan masuk ke Malaysia," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai penahanan 50 penguat kuasa, Azam berkata, 49 daripada mereka bertugas di Jabatan Imigresen (JIM), manakala seorang lagi merupakan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Seramai 12 ditahan di Selangor, Kuala Lumpur (6), Pahang (6), Johor (4), Melaka (4), Bahagian Perisikan Imigresen (9) dan seorang sarjan wanita PDRM.

"Turut ditahan 10 ejen sindiket membabitkan dua orang di Kuala Lumpur dan lapan keladai akaun yang mana seorang ditahan di Pulau Pinang serta tujuh lagi di Lembah Klang," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai isu pencemaran di Teluk Gong, Klang, Azam berkata, SPRM memberi jaminan pihaknya akan mengambil tindakan sekiranya wujud elemen rasuah atau salah guna kuasa terutamanya melibatkan pihak berkuasa berhubung isu kira-kira 40,000 penduduk di Telok Gong, Pelabuhan Klang yang terpaksa menghidu bau busuk dari puluhan kilang pemprosesan sisa buangan disyaki beroperasi secara haram.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ....1.9.SEP...2024....



# MAHA 2024 lepasi sasaran tiga juta pengunjung

um 11/9



Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**  
norizatiusa@mediamulla.com.my

**SERDANG:** Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 berjaya mencatat jumlah pengunjung yang melebihi sasaran awal dengan lebih tiga juta pengunjung hadir sejak pameran ini dibuka.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pencapaian ini amat membanggakan, terutamanya dari segi sambutan terhadap tanaman dan benih-benih pokok serta para pengunjung yang hadir.

"Sambutan terhadap tanaman dan benih-benih pokok juga mencatatkan jumlah jualan setanding dengan pameran MAHA dua tahun lalu, meskipun pameran kali ini baru berlangsung sejak tujuh hari lalu.

"Kami amat berbesar hati dengan pencapaian ini. Jualan benih pokok telah mencapai tahap yang sama seperti pameran MAHA sebelum ini, dan dengan baki beberapa hari lagi, kami menjangkakan jualan ini akan meningkat sekurang-kurangnya



**ORANG** ramai menaiki bas Rapid KL yang disediakan secara percuma untuk bergerak ke sekitar Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

sekali ganda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar di Dewan B di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), di sini semalam.

MAHA 2024 yang dianjurkan buat kali ke-100 bertemakan 'Menuai Harapan, Membina Masa Hadapan' merupakan pameran pertanian utama dan

terbesar di Asia Tenggara yang menyediakan lebih 2,000 ruang jualan dibuka mulai pukul 10 pagi hingga 10 malam mulai 11 sehingga 22 September ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesedaran rakyat terhadap kepentingan menanam buah-buahan dan sayuran di rumah atau di tanah mereka sendiri semakin meningkat, se-

jajar dengan seruan kerajaan untuk menggalakkan pertanian di peringkat domestik.

Jelasnya, kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan kenderaan seperti bas dan van bagi mengurus kesesakan yang berlaku berikutan peningkatan jumlah pengunjung pada hujung minggu lalu.

UTUSAN, MALAYSIA  
19 SEP 2024  
Tarikh: .....



Tingkat penguatkuasaan, perkukuhkan kempen kitar semula

# Malaysia tekad mahu jadi negara bebas plastik

## MUKADIMAH

ANCAMAN mikroplastik mempengaruhi kehidupan alam sekitar bukan sahaja daripada segi kesihatan tetapi keselamatan makanan dan menjejaskan ekosistem marin di perairan.

Mengulas kesan plastik kepada manusia, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, **NIK NAZMI NIK AHMAD** mengakui Malaysia tersasar dalam usaha mengurangkan penggunaan plastik meskipun sudah merangka dua pelan sebagai panduan untuk menangani isu pencemarannya di negara ini.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **JUANI MUNIR ABU BAKAR** dan **FITRI NIZAM** bersama jurufoto **FAIZ ALIF ZUBIR** dan juruvideo **NOORUL ERNI NADIA** di pejabatnya di Putrajaya, Ahli Parlimen Setiawangsa itu juga menyentuh antara usaha kerajaan mengurangkan penggunaan plastik.

**UTUSAN:** Apa usaha kerajaan menangani pencemaran alam sekitar setakat ini?

**NIK NAZMI:** Langkah menangani pencemaran terutama sekali melaksanakan pindaan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang selesai tahun ini dan telah pun berkuat kuasa. Denda telah naik, dulu RM100,000 sekarang RM10 juta, sekarang ada penjara mandatori sehingga lima tahun, maknanya kesalahan kena penjara masuk sehingga lima tahun.

Tetapi pada masa sama, kita kena tingkatkan penguatkuasaan. Kalau ada undang-undang tapi tiada penguatkuasaan, maka tiada kesan. Jadi, sebab itu, kita tingkatkan usaha penguatkuasaan.

Kita juga melihat ke arah pindaan secara menyeluruh iaitu fasa kedua Akta Kualiti Alam Sekeliling di mana kita lihat isu yang terangkum di bawah perundangan tersebut. Sebab akta ini asalnya bermula 1974, sudah 50 tahun. Jadi, ada beberapa aspek, walaupun ada pindaan

tapi mungkin ada kerangka yang boleh kita tingkatkan untuk tangani cabaran hari ini.

Malah, kita ada kerjasama termasuk melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Kesihatan. Kita juga bergerak secara rentas kementerian untuk menangani isu-isu ini, termasuk kerajaan negeri termasuk platform MEXCOE (Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar) yang dipengerusikan oleh saya.

### Pendekatan kerajaan berhubung ancaman mikroplastik?

Dalam soal ini, ada beberapa kajian sedang dilakukan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (Nahrim) yang

**“ Kita sedang membangunkan senarai plastik sekali guna yang kita anggap sebagai satu masalah yang boleh dielakkan dan tidak diperlukan. Kita merasakan ini antara perkara membantu kita.”**

terletak di bawah Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (Petra). Mereka ada melakukan kajian terhadap soal ancaman mikroplastik, ini menjadi satu topik baharu mendapat perhatian mendalam. Itu memang Nahrin sudah mula, kita akan teruskan, saya ingat di peringkat institusi pengajian tinggi sudah ada.

Malah, kita sedang mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk soal membincangkan kualiti air sungai, satu mesyuarat bersama dengan agensi berkaitan dengan mikroplastik yang menjadi perkara utama kita bincangkan, tetapi pokoknya soal pengurusan plastik.

Jadi, kita sedang membangunkan senarai plastik sekali guna yang kita anggap sebagai satu masalah yang boleh dielakkan dan tidak diperlukan. Kita merasakan ini antara perkara membantu kita.

Namun, kadangkala banyak elemen penguatkuasaan memandangkan penetapan perkara ini terletak di negeri-negeri, maka ia akan menjadi satu rujukan berguna untuk kita kurangkan dan mungkin jangka masa tertentu kita boleh menghapuskan penggunaan plastik sekali guna.

**Ada pelan sifar plastik?**  
Sebenarnya kita sudah ada dua pelan hala tuju tentang

plastik iaitu Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030, itu menjadi panduan.

Namun kita lihat mungkin sebahagiannya bila kita berdepan pandemik Covid-19, ada banyak penggunaan (plastik), banya penghantaran makanan. Sebelum ini, kita berhenti guna penyedut plastik minuman namun sebab tak Covid-19 (ramai tidak guna).

Kita sedang melihat bagaimana untuk bergerak ke depan untuk satu pelan plastik yang tarikh munasabah untuk kita melaksanakan peralihan ini. Tentang soal hala tuju, semestinya sudah ada, cuma sekarang kita dah lari sedikit, cuma kita mahu perkara ini dapat dilaksanakan.

Banyak negeri juga berbeza, ada juga misalnya Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur antara ke hadapan dalam soal ini.

**LONGGOKAN** sampah-sarap terutamanya botol plastik yang terdampar di pantai di kawasan Pelabuhan Perikanan Chendering, Terengganu.

**UTUSAN MALAYSIA**  
Tarikh: .....19 SEP 2024.....



Kalau di Pulau Pinang, caj plastik sudah sampai RM1, ada kedai sederhana dan mewah, langsung tidak bagi dan kalau mahu beli mungkin caj RM3-4.

Pada 2009 dan 2010 sudah mula kena caj RM1, orang sudah mula bertindak dan angkat daripada kena bayar. Ini perubahan sikap yang perlu kita lalui. Ada negeri lain yang belum, ada sektor belum seperti pasar malam. Namun kena satu rancangan secara menyeluruh, realistik dan memahami keadaan. Pokok pangkal, hala tuju kena jelas.

#### Mikroplastik wajar dikategori sebagai unsur pencemaran?

Kita akan melihat perkara tersebut kerana kita di peringat awal lagi fokus tentang pindaan ini (Akta Kualiti Alam Sekeliling) dan ia antara perkara kita boleh kaji sejauh mana sesuai perkara itu untuk penggubalan dasar kita.

Berkaitan kajian Besel Action Network tentang ancaman mikroplastik, cabaran dihadapi Malaysia kerana kita kitar semula plastik iaitu sekitar 30 peratus jadi masih agak rendah, kesan apa berlaku ialah kemasukan sama ada halal atau haram sisa plastik dari luar, ada yang boleh tetapi ada sebaliknya. Tapi fahamlah tidak ikut (undang-undang kemasukan plastik haram) peraturan apa dia kisah, itu yang mendatangkan masalah.

Jika kita kena uruskan sisa dengan baik, khususnya dalam undang-undang sudah sebut kena asing sampah tetapi tidak berlaku di rumah. Jadi, antara perkara kita harus lihat untuk tingkatkan kadar kitar semula. Kalau dipertingkatkan kitar semula, tidak perlu import sisa plastik.

Ini antara isu kita berdepan ketika ini, sebabnya industri di Malaysia memang besar terutamanya sekali halangan kemasukan sisa plastik dari luar negara.

#### Adakah kerajaan perlu wujudkan jawatankuasa rentas kementerian tangani import mikroplastik?

Itu pendekatan yang



NIK Nazmi ketika ditemubual oleh wartawan Utusan Malaysia di pejabatnya baru-baru ini.

um 19/9 @  
Idealnya kita tidak mahu negara kita menjadi tong sampah dunia, kita seolah menjadi bahan buangan elektronik, sisa untuk plastik. Ada negara tidak mahu, jadi hantar ke negara kita ini."

perlu kaji. Namun baru-baru ini, ada pertemuan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, antaranya kita bincangkan isu plastik.

Namun, jika ada jawatankuasa untuk pelan hala tuju, wujud keperluan jawatankuasa kerja atau jawatankuasa pemandu dalam soal ini, kita boleh lihat balik untuk gunakan platform itu bagi dapatkan penglibatan rentas kementerian.

#### Bagaimana usaha kerajaan untuk mengekang import plastik?

Kita sedang berbincang perkara itu, memang sekarang kita memperhalusi



SISA plastik bertimbun di sebuah pusat pengumpulan di Kajang, Selangor sebelum ia dihantar ke kilang untuk dikitar semula.

kemasukan plastik tapi ia tetap berlaku secara tidak sah. Namun, antara perkara sangat membantu ialah untuk memastikan aspek kitaran semula itu cukup. Jika ia berlaku, tekanan import barang luar akan berkurangan, itu satu aspek dilihat.

Idealnya, kita tidak mahu negara kita menjadi tong sampah dunia, kita seolah menjadi bahan buangan elektronik, sisa untuk plastik. Ada negara tidak mahu, jadi hantar ke negara kita ini menjadi cabaran kita selepas China menegatkan syarat kemasukan.

Kalau (China) sekarang

sudah terima plastik, jadi masuk Malaysia, Indonesia dan Filipina yang menjadi antara negara utama. Oleh demikian, kita sedang meningkatkan penguatkuasaan termasuk dengan pihak kastam, untuk kita memastikan perkara ini dapat kita atasi.

Oleh itu, selain pendekatan dasar menyeluruh seiring dengan kajian balik dasar plastik yang sedia ada, kita hendak jadikan sebagai antara isu utama bagaimana kerjasama ASEAN menjadi relevan dalam hal ini.

Maka kita perlu bersuara sebagai suara ASEAN, maka

suara kita lebih kuat dan besar, jadi itu antara yang akan diselaraskan, kebetulan negara kita akan menjadi Pengerusi ASEAN pada 2025. Kita sudah mula, saya pun bangkitkan dengan sahabat negara ASEAN, tapi akan bagi tumpuan pada tahun depan.

#### Adakah Malaysia akan memeterai Perjanjian Global Plastik?

Kita akan berbincang sebelum memutuskan sebarang keputusan termasuk dengan industri dan masyarakat sivil, NGO melibatkan beberapa perkara yang menjadi perbezaan pandangan.

Tapi bagi kita, ia perlu menekankan aspek peralihan yang adil, soal dan aspek keupayaan teknologi rekabentuk, pengurusan sisa plastik yang perlu dipertingkatkan, itu menjadi asas kita dalam perbincangan dan ambil berat perjanjian plastik global.

Namun belum dimuktamadkan lagi, tetapi bagi saya kita mahu bergerak ke hadapan dan pada masa sama menekankan aspek peralihan yang adil supaya dapat menempuh perubahan diperlukan, sejajar impak minimum kepada alam sekitar dan ekonomi.

#### Ada sasaran awal bebas plastik?

Cabaran hari ini, kita sebenarnya sasar 2030 tapi bila berlaku Covid-19 sudah lari jadi nak sampai 2030 menjadi cabaran. Oleh sebab itu, kita sekarang tengok pelan ini secara menyeluruh dan perbincangan dengan kementerian lain iaitu satu pelan realistik, kalau boleh saya mahu sasaran pada 2026.

Tapi bukan sahaja soal kementerian tapi juga soal negeri, mungkin boleh dibuat Kuala Lumpur tidak mungkin di kawasan lain, itu cabaran antara kita dilalui. Kita bincang dalam MEXCO, mereka faham tapi ada kekangan masing-masing.

Oleh sebab itu, kita tengok balik segala pelan namun tidak mahu satu pelan baharu tetapi kena disesuaikan dengan apa yang berlaku.